

Air pasang besar masih terkawal

MDKL sediakan 18 anggota bantu jalankan kerja operasi dalam pelbagai situasi

BANTING - Keadaan air pasang besar yang dijangka berlaku beberapa hari ini masih lagi terkawal.

Namun, beberapa kawasan yang dinaiki air disebabkan hujan lebat seawal jam 8 pagi semalam turut dilihat surut.

Bagaimanapun, keadaan hujan lebat berserta angin kencang itu menyebabkan pokok berhampiran laluan dari arah Pasar Awam Banting menghala ke Banting tumbang hingga menyebabkan kenderaan terpaksa mencari laluan alternatif lain.

Dalam pada itu, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) meletakkan kesemua anggota Skwad Pantas MDKL dalam keadaan siap siaga bagi digerakkan pada bila-bila masa bermula 13 hingga 18 November ini untuk menghadapi bencana air pasang besar ketika ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya mempunyai 18 anggota bagi membantu menjalankan kerja-kerja operasi dalam pelbagai situasi yang berlaku.

Selain itu, skuad ini turut dilengkapi dengan beberapa jentera dan



Laluan jalan di sebahagian premis kedai di Pekan Banting ditenggelami air disebabkan hujan lebat.

peralatan bagi memberikan khidmat serta bantuan menyelamatkan.

Bagaimanapun, sekiranya berlaku bencana yang diakibatkan oleh air pasang besar di daerah Kuala Langat, Skwad Pantas ini akan turut bersama agensi menyelamatkan yang lain di bawah penyelarasan yang dikendalikan Pejabat Daerah Kuala Langat dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam situasi terkini yang berlaku awal pagi semalam, Skwad Pantas MDKL bergegas menjalankan operasi

memotong dan mengalihkan pokok yang tumbang di hadapan restoran makanan segera di Pekan Banting, Jalan Jelawat 1 dan juga di Taman Halijahton.

"Seramai 12 orang terdiri daripada tujuh anggota Skwad Pantas dan lima orang dari Jabatan Landskap MDKL bergegas seurus menerima maklumat orang awam mengenai pokok tumbang yang menghalang laluan jalan raya," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Azhar berharap agar penduduk yang ting-



Anggota Pantas bertungkus-lumus memotong pokok yang tumbang menghalang kenderaan melalui kawasan itu.

gal berdekatan Pantai Kelanang dan pesisir Pantai Tanjung Sepat sentiasa meningkatkan keselamatan bagi mengelakkan tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku selain pemandu lebih berhati-hati ketika melalui kawasan berisiko dan memaklumkan kepada pihak berkuasa sekiranya melihat kejadian serupa.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan mendapati, laluan jalan berhampiran beberapa premis kedai di Banting

dinaiki air dipercayai disebabkan pelbagai masalah.

Kebanyakan peniaga yang ditemui memaklumkan masalah sama masih berlaku sekiranya hujan lebat.

Keadaan itu dilihat masih tiada jalan penyelesaian daripada pihak bertanggungjawab sedangkan aduan dibuat beberapa kali. Akibatnya, selepas air surut ada peniaga yang merungut apabila keadaan premis mereka dipenuhi sampah disebabkan keadaan air yang melimpah itu.